



*Jom Makan di Luar*

## Restoran Makanan Laut Terapung Kampung Nelayan

Terletak hanya 10 minit dari Bandar Raya Kota Kinabalu ialah Restoran Makanan Laut Terapung Kampung Nelayan di Taman Tun Fuad. Sejak membuka pintunya 10 tahun lalu, restoran tersebut mendapat reputasi sebagai salah satu tempat menjamu selera paling unik di Kota Kinabalu. Restoran tersebut 'terapung' di atas sebuah kolam dan boleh memuatkan 400 orang pada satu masa. Restoran ini paling dikenali kerana makanan lautnya yang segar, dimasak mengikut kehendak anda. Antara menu kegemaran termasuklah ketam 'kam heong' yang terkenal (kam heong adalah adunan khas, dibuat daripada pelbagai rempah) dan ikan kerapu goreng dengan hirisan mangga (jika mahu, anda boleh meminta sebarang jenis ikan untuk disediakan dengan cara ini). Cukup menyelerakan ialah udang mentega telur – hidangan lazat iaitu udang dimasak dengan sempurna, dilengkapi dengan serunding telur dan kuah yang berkrim. Sebagai pencuci mulut, anda boleh mencuba 'puding kelapa' yang terkenal – paling lazat dimakan sejuk! Anda boleh juga menikmati makan malam selesa setiap malam

sambil dihiburkan oleh persembahan kebudayaan. Untuk suasana yang lebih intim, Kampung Nelayan turut menawarkan bilik-bilik VIP, sesuai untuk majlis persendirian seperti ulang tahun perkahwinan, hari jadi dan pertunangan. Perkhidmatan di sini memang dipuji dan kakitangannya sentiasa berusaha untuk memastikan pengalaman makan malam anda sebaik mungkin. Suasana hebat dengan sentuhan kampung, Kampung Nelayan menawarkan hidangan makanan dan hiburan di bawah satu bumbung terapung!

Kampung Nelayan terletak di Taman Tun Fuad, Bukit Padang, Kota Kinabalu. Ia dibuka setiap hari bermula 11:30 pagi hingga 2:00 petang (makan tengah hari) dan 6:30 petang sehingga 11:00 malam (makan malam). Persembahan kebudayaan berlangsung dari 7:45 malam hingga 9:00 malam setiap hari. Hubungi 088-231003/231005 atau untuk tempahan. Kunjungi [www.kampungnelayan.com](http://www.kampungnelayan.com) Kampung Nelayan adalah premis dengan sijil halal.

*"Sandakan's famous seafood has found its true home"*

**皇景**

**Dim Sum (Breakfast / Lunch)**

**Live Local Seafood**

**Business Hours**

Monday to Friday	9:30 am - 2:00 pm	6:00 pm - 10:00 pm
Saturday	8:00 am - 2:00 pm	6:00 pm - 10:00 pm
Sunday	7:00 am - 2:00 pm	6:00 pm - 10:00 pm

**IMPERIAL BAYVIEW RESTAURANT**

Oceanweath Trading Sdn Bhd (025914-K)

The Forum, 1st Floor, Sandakan Central Market, Sandakan Harbour Square, 93000 Sandakan, Sabah, Malaysia.

Tel: 088 246 088 | 088 226 148 | Email: [info@imperialbayview.com](mailto:info@imperialbayview.com)

**SANDAKAN'S SEAFOOD TREASURES**



*Kunjungi*

## Jesselton Point

Hanya lima minit dari pusat Bandaraya Kota Kinabalu letaknya Jesselton Point yang indah dan bersejarah. Sebelum ini dikenali sebagai Terminal Feri Kota Kinabalu, tempat menghadap laut ini memiliki wajah baharu dengan tarikan kolonial yang penuh nostalgia. Tempat ini bermula sebagai kawasan pendaratan untuk kapal-kapal dan pedatang selama bertahun-tahun. Ia juga menjadi terminal untuk perkhidmatan kereta api. Laluannya masih boleh dilihat apabila anda berjalan di laluan konkrit.

Hari ini, Jesselton Point disasarkan untuk menjadi kawasan dermaga bertaraf dunia, mengetengahkan kemudahan yang pelbagai untuk perniagaan, tempat tinggal, hiburan, dan keperluan persidangan. Projek 15 tahun ini dijangka siap dalam tiga peringkat meliputi kawasan 23 ekar. Sekarang, ia turut menjadi terminal feri dan bot untuk penumpang yang ingin ke Wilayah Persekutuan Labuan atau menikmati pengalaman bersiar-siar sehari di pulau-pulau Taman Marin Tunku Abdul Rahman. Sepanjang laluan Jesselton Point terdapat pelbagai jenis kedai dan tempat makan. Nikmatilah hidangan tempatan seperti ais kacang dan nasi lemak. Turut menjadi tarikan di sini ialah padang futsal, yang pertama seumpamanya di Bandar raya ini menggunakan permukaan lantai padang berkualiti tinggi yang diimport dari Eropah. Imej hitam dan putih mengabadikan saat-saat bersejarah di Sabah (ketika itu dikenali sebagai Jesselton) dan menghiasi dinding yang mengelilingi Jesselton Point. Kembali selangkah ke masa lalu sambil menikmati keselesaan hari ini di Jesselton Point.